

**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 20 JULAI 2014 (AHAD)**

Bil	Tajuk	Akhbar
1	Pasukan Malaysia belum dibenar masuk	Berita Harian
2	Angin kencang, laut bergelora ekoran Taufan Matmo di Sabah	Bernama.com

**KERATAN AKHBAR
BERITA HARIAN (NASIONAL) : MUKAS SURAT 08
TARIKH : 20 JULAI 2014 (AHAD)**



“
Kerajaan Ukraine komited membantu kita mengendalikan kejadian ini, namun wujud beberapa kekangan yang tidak dapat dielakkan”

Khairil Hilmi Mokhtar,
Ketua delegasi Pasukan Siasatan Khas Malaysia



Pasukan Siasatan Khas Malaysia tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Borispol, semalam. [FOTO BERNAMA]

Pasukan Malaysia belum dibenar masuk

Kiev: Pasukan Siasatan Khas Malaysia yang tiba di sini pagi semalam, belum menerima sebarang memasuki lokasi kejadian pesawat Penerbangan Malaysia (MAS), MH17 ditembak, di timur negara ini yang dikuasai kumpulan pemberontak, Donetsk People's Republic.

Difahamkan, rundingan sedang berlangsung di antara Kerajaan Ukraine dan pemimpin pemberontak bagi melakukan gencatan senjata untuk membolehkan pasukan khas ini memasuki lokasi kejadian.

Bagaimanapun, ketua delegasi, Khairil Hilmi Mokhtar, berkata pihaknya belum menerima sebarang perkembangan terkini berhubung rundingan berkenaan.

Ukraine komited bantu

“Kerajaan Ukraine komited membantu kita mengendalikan kejadian ini, namun wujud beberapa kekangan yang tidak dapat dielakkan, termasuk lokasi kejadian yang berada dalam zon perang.”

“Kerajaan Ukraine sedang berusaha bagi mewujudkan ko-

ridor selamat untuk kita masuk ke tempat kejadian. Mereka tidak akan berkompromi dalam isu keselamatan pegawai dan anggota pasukan kita yang masuk ke lokasi nahas,” katanya kepada media Malaysia, di sini semalam.

Beliau sebelum itu mengikuti taklimat perkembangan terkini kejadian MH17 yang dipengerusikan Duta Malaysia ke Ukraine, Chuah Teong Ban di Hotel Presidential, di sini.

Selain Unit Forensik Polis Diraja Malaysia (PDRM), pasukan

khas kelolaan Majlis Keselamatan Negara (MKN) itu turut membabitkan petugas dari Kor Kesihatan Diraja Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Jabatan Kimia dan Pasukan SMART Jabatan Perdana Menteri (JPM).

Yang turut serta ialah Kor Agama Angkatan Tentera (KAGAT) dan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) bagi pengurusan jenazah.

Pengesahan identiti

Difahamkan, penumpuan operasi lebih kepada usaha mengenal-

pasti punca sebenar kejadian, selain pengesahan identiti penumpang dan anak kapal yang terkorban dalam naas udara terburuk dalam sejarah penerbangan dunia itu.

Sementara itu, petugas keemasan Ukraine dibenarkan memasuki lokasi naas semalam bagi proses pengumpulan mayat mangsa dengan kawalan ketat kumpulan pemberontak.

Sehingga semalam, sekurang-kurangnya 180 mayat dilaporkan ditemui di kawasan 18 kilometer persegi di tempat kejadian.

Sumber memberitahu BH, semua mayat dipindahkan ke satu lokasi tidak dinyatakan, namun dipercaya berhampiran tempat kejadian yang dikawal kumpulan pemberontak.

**BERITA ONLINE
BERNAMA.COM**
TARIKH: 20 JULAI 2014 (AHAD)



Angin Kencang, Laut Bergelora Ekoran Taufan Matmo Di Sabah

KUALA LUMPUR, 20 Julai (Bernama) -- Amaran angin kencang dan laut bergelora dikeluarkan hari ini berikutan Taufan Matmo yang dikesan kira-kira 1,487 kilometer ke timur Laut Sandakan, Sabah pada pukul 5 pagi Ahad.

Jabatan Meteorologi Malaysia hari ini mengeluarkan satu kenyataan yang berkata taufan itu dikesan pada Latitud 12.1 U dan Longitud 130.0 T dan bergerak ke arah Barat Laut dengan pelahan.

Ekoran daripada itu, angin kencang Barat Daya dengan kelajuan 40 hingga 50 kilometer sejam dan ombak mencapai ketinggian sehingga 3.5 meter yang kini berlaku di kawasan perairan Palawan, Reef North, Condore, Kudat dan Layang-Layang dijangka berterusan sehingga Khamis.

Sementara itu, kawasan perairan Perlis dan Kedah juga dijangka mengalami keadaan yang sama manakala di kawasan perairan Phuket, angin kencang dijangka berterusan sehingga esok.

Menurut kenyataan itu, ribut petir yang berlaku di perairan Sandakan, Sabah juga dijangka berterusan sehingga lewat pagi ini.

Keadaan itu berbahaya kepada bot-bot kecil, rekreasi dan sukan laut.

-- BERNAMA